

31/03/2000

Malaysia tidak terikat kuasa Barat: PM

JITRA, Khamis - Malaysia bebas menyuarakan pandangan mengenai hak asasi manusia dan keadilan sejagat kerana tidak terikat dengan kuasa Barat serta spekulator mata wang yang cuba memiskinkan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini terbukti dengan pendirian Malaysia mengecam pencabulan hak asasi manusia di negara lain, termasuk Iraq dan Kosovo.

Katanya, kemampuan negara berbuat demikian juga berikutan perjuangan Umno yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang kuat dan kukuh serta mampu mengekang percubaan pihak asing menggugat negara, seperti dalam krisis ekonomi yang lalu.

"Malaysia menyuarakan tentangan kepada kuasa besar. Kita buat begitu kerana kita mampu. Kita tidak berhutang kepada sesiapa. Negara kita bebas, kukuh dan kuat hasil perjuangan Umno," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Perdana Menteri mengambil contoh lawatan muhibah delegasi Malaysia ke Iraq yang diketuai Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, menyuarakan pendirian Malaysia bahawa rakyat Iraq tidak harus dijadikan mangsa tekanan kuasa Barat untuk menjatuhkan Presidennya, Saddam Hussein.

Dr Mahathir berkata, meskipun delegasi itu dikecam hebat oleh kuasa Barat, terutama Amerika Syarikat, kerajaan Malaysia tetap berpendirian hak asasi rakyat Iraq harus dikembalikan melalui pemansuhan sekatan ekonomi yang dikenakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Walaupun kita tidak setuju serangan Iraq ke atas Kuwait, kita tidak setuju rakyat Iraq dijadikan tebusan supaya pemimpin mereka dijatuhkan.

"Isteri saya sekarang berada di Iraq bukan untuk membantu Saddam Hussein tetapi pergi dengan rombongan untuk melihat penderitaan rakyat Iraq," jelasnya.

Dr Siti Hasmah berada di Iraq bagi mengetuai delegasi Malaysia untuk lawatan muhibah selama lima hari ke negara itu, bermula Sabtu lalu.

Perdana Menteri juga berkata, beliau akan ke Cuba untuk bertemu Presidennya, Fidel Castro, minggu depan meskipun ia adalah negara komunis kerana Malaysia sebagai negara bebas, mempunyai kebebasan untuk menyuarakan pandangan pada peringkat antarabangsa.

(END)